

## BAHAYA ROKOK DAN VAPE

3 NOVEMBER 2023 / 19 RABIULAKHIR 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ  
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa Taala di dunia dan akhirat.

## **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,**

Sejak awal penciptaan Adam 'Alaihissalam, manusia merupakan sebaik-baik kejadian yang diberikan akal untuk membezakan yang baik dan buruk. Kita juga diberikan amanah untuk menjaga nikmat kesihatan dan anggota tubuh badan, maka dengan nikmat inilah membolehkan kita melaksanakan ibadah dengan khusyu' dan menjalankan amanah sebagai khalifah di muka bumi.

Dalam masa yang sama, iblis dan keturunannya sentiasa mencari jalan untuk merosakkan akidah umat Islam dengan tipu-daya seperti memperkenalkan perkara-perkara yang buruk itu sebagai elok dan bermanfaat. Antara ciptaan moden yang hakikatnya merosakkan manusia, adalah rokok, curut(cigar), shisha dan vape. Dilaporkan pada tahun 2019, bahawa 21.3% atau 4.9 juta rakyat Malaysia merupakan perokok. Ini telah menyumbang sekitar 27,200 kematian yang dikaitkan dengan rokok, sama ada sebagai perokok aktif atau pasif. Di negeri Pahang, perbuatan merokok dan menghisap shisa telah difatwakan haram kerana memudaratkan kesihatan dan mengundang pembaziran.

Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-Baqarah ayat 195:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

**Yang bermaksud:** “Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”

Sementara dalam persoalan pembaziran pula, Allah Subhanahu wa Taala berfirman dalam Surah al-Isra’ ayat 26 hingga 27:

وَأْتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَلَا تُبَذِّرْ تَبْذِيرًا  
إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيَاطِينِ ۖ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا

**Yang bermaksud:** “Dan berikanlah kepada kerabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau. Sesungguhnya orang yang boros itu adalah

*saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya.”*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,**

Sekarang, muncul pula vape dan rokok elektronik yang menjadi kegilaan ramai generasi muda. Dengan saiz peranti yang kecil, vape dan rokok elektronik mudah dibawa ke mana-mana. Bahkan pelajar sekolah, tidak takut lagi untuk menghisap vape dan rokok elektronik dalam sekolah atau asrama kerana saiznya yang kecil dan mudah untuk disorok dan dikendalikan.

Menurut kajian, pendedahan awal kepada nikotin dalam rokok elektronik khasnya golongan kanak-kanak amat berbahaya kerana ia menjejaskan perkembangan otak, dan akan lebih mudah terjebak dalam penyalahgunaan dadah. Vape juga terbukti menggalakkan pembekuan darah, dan asapnya boleh menyerap masuk ke plasenta ibu yang mengandung dan mengganggu proses perkembangan bayi dalam kandungan.

Kajian perubatan juga mendapati rokok elektronik mengandungi bahan-bahan logam berat yang boleh menyebabkan kanser dan penyakit paru-paru. Dakwaan yang menyatakan rokok elektronik membantu untuk menghentikan ketagihan rokok juga telah disangkal, kerana hakikatnya ia lebih mengundang kepada ketagihan.

Kepada anak-anak pula, ia pembuka jalan kepada mereka untuk menjadi perokok tegar.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,**

Negara Thailand dan Singapura telah mengharamkan penjualan dan menghisap vape. Kebanyakan negara Islam juga telah melarang penggunaan rokok elektronik. Maka sudah tiba masanya pihak kerajaan mengambil langkah drastik ke arah pengawalan gejala tidak sihat ini sebelum terlewat. Mahukah kita melihat generasi akan datang rosak dengan membiarkan penjualan dan pengedaran vape yang semakin berleluasa sekarang ini?

Marilah kita bersama-sama memainkan peranan dan bertindak segera. Sudah ramai guru di sekolah rendah yang mengadu anak-anak murid yang membawa vape dan rokok elektronik. Ibu bapa perlu bersikap tegas melarang anak-anak terjebak dengan vape, dan perlu mengenal peranti vape yang semakin lama semakin kecil dan mudah untuk disorokkan. Nasihatlah anak-anak supaya memilih untuk bersahabat dengan kawan-kawan yang baik.

Kepada umat Islam, dinasihatkan supaya tidak terlibat dalam mempromosi, menjual dan mengedar vape dan rokok elektronik kerana ia boleh membawa kepada kemudaratan kesihatan umat Islam.

Elakkanlah merokok atau menggantung vape di leher khususnya ketika berada dalam masjid. Ingatlah, merokok menyebabkan mulut kita berbau busuk dan mengganggu jemaah yang lain. Sebab itu, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam menyuruh menjauhkan diri daripada bau-bauan yang busuk. Amalkanlah gaya hidup yang sihat, kerapkan bersenam dan cubalah meninggalkan ketagihan merokok dengan mendapatkan bantuan segera untuk berhenti merokok.

Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah an-Nur ayat 21:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَاشْكُرُوا لِلَّهِ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿١٧٢﴾

**Yang bermaksud:** “Wahai orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya.”

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ. وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ